

# Virus Zika dipantau

» Jangkitan  
akibatkan  
otak bayi  
menjadi kecil

BH  
2/12/2015  
ms 25



Dr Lokman Hakim Sulaiman

atau otak kecil sekiranya dijangkiti.

“Kementerian melakukan pemantauan secara berterusan bagi mengesan virus Zika di negara ini, melalui ujian yang dilakukan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan, Sungai Buloh (MKAK), klinik dan hospital septinel negara.

“Sampel daripada pesakit disyaki denggi, dikesan nega-

tif dalam ujian antigen denggi NS1, selain ujian mengesan virus zika. Setakat ini, tiada sampel yang positif terhadap virus berkenaan,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

## Virus disebar nyamuk Aedes

Dr Lokman berkata, virus Zika disebar oleh nyamuk Aedes dan ia adalah vektor yang sama untuk penyakit demam denggi.

“Tidak dinafikan ada risiko virus ini menular ke Malaysia ini dan orang ramai harus mengambil tindakan membersihkan kawasan rumah dan persekitaran setiap minggu supaya bebas daripada tempat pembiakan nyamuk Aedes.

“Persekitaran yang bersih bukan sahaja menghapuskan denggi, malah berupaya menghalang kemunculan virus Zika di negara ini,” katanya.



## INFO

### Virus Zika

- Mula menular di negara Afrika dan Asia sejak 2007.
- Virus disebar oleh nyamuk Aedes.
- Antara simptom dijangkiti virus Zika ialah pening, ruam, demam dan sakit belakang.
- Dikesan menular di daerah Camacari, Brazil pada April 2015.

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
mohd\_iskandar@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan kini memantau virus Zika yang disebar oleh nyamuk Aedes dan kini dikesan menular di negara Amerika Latin khususnya Brazil.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia (Kesihatan Awam), Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman, berkata virus terbabit boleh menyebabkan bayi baru lahir mengalami sindrom mikrosefali